

Putin lakukan lawatan ke Malaysia

BH 5/7/03

KUALA LUMPUR: Seorang lagi pemimpin dunia, Presiden Russia Vladimir Putin akan melakukan lawatan negara dan bertemu rakan sejawatan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, Selasa ini.

Bulan lalu, Canselor Jerman, Gerhard Schroeder turut melakukan lawatan rasmi ke sini, manakala seorang lagi pemimpin dunia, Presiden Perancis Jacques Chirac, dijangka mengunjungi Perdana Menteri, tidak lama lagi.

Ketiga-tiga mereka dilihat adalah antara pemimpin dunia yangantang membantah dasar luar Amerika Syarikat terutama dalam isu serangan ke atas Iraq.

Malaysia menganggap lawatan pemimpin berkenaan sebagai satu penghormatan kerana ia menunjukkan mereka mahu mengetahui pandangan Malaysia mengenai pelbagai isu dunia.

Khamis depan, Dr Mahathir pula akan melawat Ukraine dan mengadakan perbincangan dua hala dengan Perdana Menteri, Victor F Yanukovych. Kali terakhir kedua-dua pemimpin itu bertemu ialah pada Forum Ekonomi Dunia di Davos, Switzerland pada Janu-

ari lalu. Ukraine adalah bekas negara Soviet Union yang merdeka pada 1991.

Dr Mahathir dan Putin dijangka menyampaikan ucapan khas pada satu forum sempena pelancaran Majlis Perniagaan Malaysia-Russia, Selasa ini, sebelum kedua-duanya mengadakan sesi dialog dengan peserta forum.

Sempena lawatan itu juga memorandum persefahaman (MoU) antara kedua-dua negara akan dimeterai bagi membuka ruang kerjasama dalam bidang sains dan teknologi, 10 tahun selepas usaha itu dimulakan pada 1993.

Ia membabitkan kerjasama dalam pelbagai bidang seperti angkasa lepas, satelit, bioteknologi dan kaji cuaca.

Sebelum ini kerajaan beberapa kali cuba menandatangani MoU itu tetapi tidak dapat dilakukan, termasuk ketika lawatan Dr Mahathir ke Russia tahun lalu. Ia difahamkan berpunca daripada masalah pada pihak Russia.

Beberapa kerjasama dibuat sebelum ini antara kedua-dua negara seperti dalam bidang angkasa lepas apabila Agensi Angkasa Lepas Russia melancarkan satelit TiungSat-1.